

Kenapa Tengku Razaleigh terus berkhidmat dengan Kerajaan

"Razaleigh berikrar terus khidmat dalam Kerajaan", kata sebuah kepala di muka hadapan Berita Harian Julai 20, 1981. Berita berikutan berkata, Tengku Razaleigh Hamzah berikrar akan terus berkhidmat dalam Kerajaan selagi beliau boleh memainkan peranan yang bermakna dan berkesan untuk kebajikan rakyat dan negara.

Katanya, "Jika mengikut kenyataan saya tempoh hari, sudah sewajarnya saya tidak menerima tawaran itu tetapi sokongan dan desakan dari para pemimpin dan ahli-ahli dan juga orang lain begitu hebat sekali sehingga saya tidak sanggup mengecewakan mereka.

"Saya tidak sanggup mengecewakan harapan dan kemahuan rakyat dan mengorbankan keutuhan UMNO semata-mata kerana hendak memuaskan perasaan sendiri."

Tengku Razaleigh menegaskan sebagai seorang Muslim dan nasionalis beliau tidak sanggup mengabaikan seruan tanah air.

"Batin saya mengalami konflik antara perasaan peribadi dengan seruan rakyat yang meminta saya kembali ke dalam Kerajaan yang menjadikan saya serba salah.

"Faktor yang melibatkan soal prinsip yang besar inilah yang telah mendorong saya menerima tawaran supaya terus memegang jawatan Menteri Kewangan di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir."

"Keputusan ini bagi saya adalah takdir Illahi," tambahnya.

Tengku Razaleigh berkata, oleh itu beliau rela mengeneipkan segala perasaan peribadi demi kepentingan perjuangan hidup yang lebih besar iaitu perpaduan parti dan kemakmuran rakyat dan negara.

Komen Penulis:

Begitulah keistimewaan seseorang pemimpin yang benar-benar berjiwa rakyat dan yang udah matang pemikirannya di bidang politik. Pemimpin dari kategori ini biasanya adalah lebih mengutamakan kehenak rakyat dan nasihat Ketua daripada perasaan peribadi; dan lebih mementingkan perkhidmatan kepada Parti, rakyat dan Negara daripada kepentingan dan kedudukan diri sendiri.



Ekor Ruangan:

A) Satu papan tanda kelihatan di sebuah padang "golf" di Scotland yang berbunyi: Ahli-ahli adalah diminta supaya jangan memungut "lost balls" (bola hilang) sehinggalah bola berkenaan tidak lagi bergolek, yakni dalam bahasa Inggerisnya, "stop rolling"...

B) Di pintu sebuah kedai di Sydney pula kelihatan sekeping notis kepada pelanggan yang berbunyi: "Keluar untuk sarapan. Jika belum balik pukul 1.00 petang telah pergi makan tengahari" (Penulis menokok, "kalau belum balik pukul 4.00 udah pergi minum teh...")

(Petikan dari "Bangkok Post").

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia